



GARIS PANDUAN PENUBUHAN SYARIKAT TERBITAN UNIVERSITI (STU)

**PUSAT INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN (ICC)
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

1. PENGENALAN

- 1.1. UTHM sangat komited dalam membudayakan penyelidikan dan inovasi yang berteraskan pasaran dan memastikan setiap hasil kerja dapat diterjemahkan kepada pengkomersialan atau nilai tambah kepada Universiti dan masyarakat.
- 1.2. Syarikat Terbitan Universiti adalah salah satu medium pengkomersialan Universiti. Oleh yang demikian, garis panduan ini disediakan sebagai garis panduan untuk digunakan oleh warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam penubuhan Syarikat Pemula atau Terbitan Universiti (SPTU). Polisi ini perlu dibaca bersama dengan Polisi Harta Intelek UTHM 2018.
- 1.3. Syarikat Terbitan Universiti yang berumur di bawah 3 tahun diberi taraf sebagai Syarikat Pemula.

2. OBJEKTIF

Garis Panduan Syarikat Terbitan Universiti (STU) disediakan untuk mencapai objektif berikut:

- 2.1. Menyediakan panduan penubuhan Syarikat Terbitan Universiti;
- 2.2. Menggalakkan penubuhan Syarikat Terbitan Universiti berasaskan teknologi/ inovasi/ produk atau perkhidmatan yang dihasilkan di UTHM;
- 2.3. Meningkatkan aktiviti teknologi/ inovasi/ produk atau perkhidmatan melalui Syarikat Terbitan Universiti;
- 2.4. Menjana dan meningkatkan hasil pendapatan Universiti melalui Syarikat Terbitan Universiti.

3. POLISI, PERATURAN & PERUNTUKAN PERUNDANGAN

Panduan ini dibuat berpandukan peruntukan perundangan seperti tersenarai di bawah. Pihak pengurusan universiti digalakkan untuk merujuk dokumen-dokumen ini untuk merancang proses dan strategi pengurusan masing-masing.

3.1. Senarai Dokumen Perundangan

Berikut adalah senarai dokumen-dokumen perundangan yang melibatkan akta/ peraturan/ garis panduan/ pekeliling yang boleh dirujuk untuk kegunaan pengurusan universiti dan perlu dibaca bersama Garis Panduan ini. Selaku pemilik Hak Harta Intelekt, universiti bertanggungjawab untuk mengambil segala tindakan yang perlu dalam penguatkuasaan pemilikan harta intelek termasuk memulakan tindakan perundangan ke atas sebarang pelanggaran.

- a) Perlembagaan Universiti
- b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
- c) Kanun Keseksaan (Akta 574)
- d) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- e) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Akta 605)
- f) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [PU.(A) 395]
- g) Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil 3 Tahun 2002
- h) Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332)
- i) Akta Paten 1983 (Akta 291)
- j) Akta Cap Dagangan 1976 (Akta 175)
- k) Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996
- l) Akta Susun Atur Litar Bersepadu 2000
- m) Akta Petunjuk Geografi 2000 (Akta 601)
- n) Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004, (Akta 634)
- o) Akta Agensi Inovasi Malaysia 2010
- p) Nota Perundangan Majlis Pegawai Perundangan Universiti 2019
- q) Akta Syarikat 2016
- r) Garis Panduan Integriti Akademik Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

3.2. Senarai dasar peringkat kebangsaan

Berikut adalah senarai dasar yang boleh dirujuk untuk kegunaan pengurusan universiti:

- a) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (2015-2025);
- b) Dasar Harta Intelek Negara (2007);
- c) Dasar Pengkomersialan Harta Intelek untuk Projek Penyelidikan & Pembangunan Yang Dibiayai Oleh Kerajaan Malaysia (Jun 2009);
- d) Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (2013);
- e) Dasar Industri Kreatif Negara; dan
- f) Dasar Keusahawanan Nasional 2020-2030.

3.3. Senarai dokumen lain-lain

Berikut adalah senarai dokumen dari pihak ketiga yang boleh diguna pakai oleh universiti sebagai panduan pengurusan dan pengkomersialan harta intelek:

- a) ISO 56000 *Innovation management -- Fundamentals and vocabulary*;
- b) ISO 56002 *Innovation management -- Innovation management system – Guidance*;
- c) ISO 56003 *Innovation management - Tools and methods for innovation partnership – Guidance*;
- d) ISO 56004 *Innovation management -- Assessment – Guidance*;
- e) ISO 56005 *Innovation management -- Intellectual property management – Guidance*;
- f) ISO 56006 *Innovation management -- Strategic intelligence management – Guidance*;
- g) ISO 56007 *Innovation management -- Idea management – Guidance*; dan
- h) BS 7000-1:2008 *Design management systems. Guide to managing innovation*.

3.4. Senarai dokumen/borang proses kerja

Berikut adalah senarai borang-borang yang boleh digunapakai oleh universiti dalam menguruskan pengkomersialan harta intelek. Borang-borang ini juga boleh disediakan melalui atas talian untuk memudahkan pengumpulan data:

- a) Borang pendaftaran Harta Intelek;
- b) Borang agihan pendapatan dari hasil pengkomersialan harta intelek untuk pereka cipta atau ahli kumpulan pereka cipta;
- c) Borang kebenaran kerja luar yang mematuhi syarat Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Tata tertib dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605);
- d) Borang Perakuan Perlindungan Kerugian (*Indemnity Form*) yang melindungi Universiti dari sebarang kerugian akibat aktiviti perniagaan syarikat;
- e) Borang pengesahan Insurans indemniti profesional (PII);
- f) Borang pengisytiharan harta untuk mengisytiharkan apa-apa pegangan saham dalam syarikat; dan
- g) Surat / dokumen kebenaran bertulis daripada Universiti untuk kakitangan menjalankan aktiviti perniagaan, pengkomersialan atau perundingan.

4. TAFSIRAN

Definisi yang digunapakai dalam dokumen ini adalah seperti berikut:

- 4.1. **Harta Intelek** – Paten, Pembaharuan Utiliti, Hak Cipta, Cap Dagangan, Rekabentuk Industri, Rekabentuk Susun Atur Litar Bersepadu, Petunjuk Geografi dan Rahsia-Dagangan.
- 4.2. **ICC** – Pusat Inovasi, Pengkomersialan dan Perundingan (Centre for Innovation, Commercialisation & Consultancy).
- 4.3. **Inovasi** - satu proses penghasilan idea, mereka cipta dan melaksana pembaharuan terhadap produk, perkhidmatan atau proses yang mendatangkan

faedah;

- 4.4. **JKE** - Jawatankuasa Eksekutif.
- 4.5. **JKPI** – Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan.
- 4.6. **JTIPP** – Jawatankuasa Teknikal Inovasi, Pengkomersialan dan Perundingan.
- 4.7. **LPU** - Lembaga Pengarah Universiti
- 4.8. **MOA** - Memorandum Persetujuan (*Memorandum of Agreement*)
- 4.9. **NDA** - *Non Disclosure Agreement*
- 4.10. **Perlesenan** - satu kaedah di mana Universiti (pemberi lesen) membenarkan pihak lain (penerima lesen) untuk mengkomersilkan harta intelek tersebut.
- 4.11. **Pemberi lesen** - sama ada Universiti atau syarikat milik penuh Universiti atau mana-mana syarikat yang diberikan kuasa oleh Universiti untuk memberi lesen mengkomersilkan harta intelek Universiti.
- 4.12. **Pemegang ekuiti** - Individu/syarikat yang memiliki ekuiti atau saham dalam STU.
- 4.13. **Pendapatan kasar tahunan** - Jumlah pendapatan tahunan bagi syarikat tanpa apa-apa potongan atau perbelanjaan.
- 4.14. **Penyelidik** - staf atau pelajar yang menjalankan kajian dan penyelidikan sehingga terhasilnya harta intelek, teknologi atau produk yang ingin dikomersilkan.
- 4.15. **Royalti** - satu kadar bayaran kepada Universiti oleh penerima lesen berdasarkan hasil pengkomersialan harta intelek, teknologi, atau produk yang dilesenkan.
- 4.16. **Syarikat Pemula (SP)** – Status SP diberikan kepada syarikat yang ditubuhkan dengan tujuan untuk melaksanakan aktiviti pengkomersialan dengan kebenaran Universiti dan berusia tidak lebih daripada tiga (3) tahun. SP boleh memohon bantuan daripada Universiti bagi memastikan ianya boleh bersaing dan bertahan dalam bidang pengkomersialan.
- 4.17. **STU** - Syarikat yang ditubuhkan dengan tujuan untuk mengkomersialkan harta intelek, teknologi, perkhidmatan atau produk hasil penyelidikan Universiti, sama ada Universiti memiliki atau tidak memiliki ekuiti dalam syarikat tersebut. Syarikat juga boleh dengan kebenaran universiti melaksanakan aktiviti yang dapat

menjana keuntungan daripada Harta Intelek yang didaftarkan meliputi aktiviti perkhidmatan seperti perundingan, pengujian, kursus/latihan, seminar dan sebagainya.

4.18. **Pengkomersialan** – Aktiviti menjana pendapatan melalui pengkomersialan harta intelek, teknologi dan perkhidmatan berkaitan seperti dinyatakan di dalam MoA.

4.19. **Universiti** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

4.20. **Panel Penilai yang dilantik** – Pakar dalam bidang berkaitan.

5. PROSEDUR PERMOHONAN

5.1. Penyelidik membuat permohonan dengan mengisi Borang Permohonan Penubuhan Syarikat Terbitan Universiti (**UTHM.ICC.PPPP.08.2020**) bersama dengan dokumen yang disenaraikan di dalam senarai semak.

5.2. Penyelidik diwajibkan untuk membuat pembentangan kertas kerja cadangan untuk disokong oleh Jawatankuasa Teknikal Inovasi, Pengkomersialan dan Perundingan (JTIPP).

5.3. Kertas kerja yang lengkap akan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan (JKPI) untuk diperakukan.

5.4. Kertas kerja yang diperakukan JKPI akan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) untuk diperakukan.

5.5. Kertas kerja yang diluluskan JKE akan dimajukan ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bagi tujuan kelulusan.

6. PERANAN

6.1. Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC)

- i. Membantu dan menasihati penyelidik dalam penubuhan STU.

- ii. Memantau aktiviti yang dijalankan oleh STU.
- iii. Membenteng kemajuan STU kepada JTIPP dan JKPI.
- iv. Melaporkan apa-apa isu berkaitan STU kepada Universiti.

6.2. Syarikat Terbitan Universiti (STU)

- i. Mengkomersialkan produk, teknologi atau perkhidmatan professional yang boleh ditawarkan oleh pihak Universiti.
- ii. Syarikat yang berusia kurang daripada 3 tahun akan diberi status Syarikat Pemula (SP) dan boleh memohon bantuan daripada Universiti untuk aktiviti pengembangan syarikat.
- iii. Memberi pelaporan sukuan tahun berkala tentang kemajuan STU.
- iv. Menjalankan aktiviti yang tidak bercanggah dengan peraturan Universiti dan aktiviti yang memberi imej yang tidak baik kepada Universiti.

6.3. PTJ

- i. Menilai permohonan staf untuk terlibat secara langsung di dalam STU.
- ii. Memantau pergerakan dan perjalanan staf bagi melaksanakan aktiviti berkaitan dengan STU.
- iii. Menyemak kebergunaan staf kepada PTJ.
- iv. Mengesahkan sumbangan tahunan staf sejajar dengan kebenaran yang telah diberikan oleh staf untuk melaksanakan kerja luar.

7. TUJUAN PENUBUHAN STU

- 7.1. Meningkatkan bidang fokus pengkomersialan di mana SPTU mampu untuk lebih fokus kepada bidang kepakarannya sama ada daripada aspek strategi, sasaran

pelanggan mahupun perancangan operasi.

- 7.2. Meningkatkan penjanaan pendapatan Universiti hasil daripada penyelidikan inovasi dan perkhidmatan professional yang boleh ditawarkan oleh Penyelidik.
- 7.3. Memberi fleksibiliti kepada Penyelidik untuk mencari penyelesaian unik bagi pengkomersialan harta intelek, teknologi atau produk yang dihasilkan.
- 7.4. Meningkatkan kesedaran mengenai penjanaan pendapatan berasaskan hasil penyelidikan, inovasi, perkhidmatan professional di kalangan penyelidik.
- 7.5. Memberi pendedahan kepada penyelidik mengenai keusahawanan, pengurusan dan pentadbiran perniagaan.
- 7.6. Meningkatkan keupayaan penyelidik menceburi bidang teknologi yang berpandukan permintaan pasaran.
- 7.7. Mempelbagaikan sumber promosi dan pemasaran hasil penyelidikan dan inovasi Universiti.

8. JENIS STU

8.1. Syarikat Terbitan Universiti Berasaskan Harta Intelek (STU IP)

- i. STU IP adalah syarikat yang ditubuhkan oleh staf Universiti untuk mengkomersialkan Harta Intelek kepunyaan Universiti.
- ii. Aktiviti pengkomersialan oleh STU IP tidak boleh bersaing secara langsung dengan anak syarikat Universiti atau STU lain yang telah ditubuhkan.
- iii. Memorandum perjanjian (MoA) perlu ditandatangani oleh staf dan wakil Universiti serta dibaca bersama dengan Garis Panduan Penubuhan Syarikat Terbitan Universiti 2020.
- iv. Setiap **STU IP** mestilah melesenkan sekurang-kurangnya satu **Harta Intelek** Universiti dengan bayaran sebanyak RM10,000.00 untuk tempoh satu (1) tahun.
- v. STU IP perlu membayar **nilai kebergunaan sebanyak** 3-5% daripada

pendapatan kasar tahunan kepada Universiti **dan mendapatkan kebenaran daripada pihak Universiti melalui ketua PTJ untuk melaksanakan kerja-kerja berkaitan STU.**

- vi. Pembayaran pelesenan RM 10,000.00 seperti di perkara (iv) boleh ditolak melalui nilai pembayaran 3-5% daripada pendapatan kasar tahunan seperti di perkara (v).
- vii. STU IP dibenarkan untuk beroperasi berdasarkan kepada kerja-kerja pengkomersialan harta intelek yang dilesenkan, termasuk perundingan, pengujian, latihan dan penjualan produk/teknologi.

8.2. Syarikat Terbitan Universiti Berasaskan Perkhidmatan (STU PP)

- i. STU PP adalah syarikat yang ditubuhkan oleh staf Universiti untuk memberikan apa-apa perkhidmatan yang berpotensi untuk ditawarkan.
- ii. Sejalan dengan keperluan industri, perkhidmatan profesional seperti perundingan kerja-kerja fizikal mempunyai potensi untuk dikomersialkan. Kepakaran yang dimiliki oleh staf Universiti perlu dikomersialkan supaya kemahiran staf dapat ditingkatkan dimana ianya selari dengan kepakaran dan bidang yang ditawarkan oleh Universiti.
- iii. Sehubungan dengan itu, potensi staf di Universiti perlu dikembangkan dengan penglibatan staf dalam bidang keusahawan dan seterusnya dapat membantu Universiti dalam menjana sumber kewangan.
- iv. Perkhidmatan professional seperti arkitek professional, jurukur professional dan jurutera professional boleh ditawarkan melalui STU PP dengan jaminan bon berkaitan yang sepenuhnya ditanggung oleh STU PP.
- v. Aktiviti pengkomersialan oleh STU PP tidak boleh bersaing secara langsung dengan anak syarikat Universiti atau STU lain yang telah ditubuhkan.
- vi. Memorandum perjanjian (MoA) perlu ditandatangani oleh staf dan wakil

Universiti serta dibaca bersama dengan Garis Panduan Penubuhan Syarikat Terbitan Universiti 2020.

- vii. Setiap **STU PP** mestilah melesenkan sekurang-kurangnya satu **Harta Intelekt** Universiti dengan bayaran sebanyak RM10,000.00 untuk tempoh satu (1) tahun.
- viii. STU PP perlu membayar nilai kebergunaan sebanyak 3-5% daripada pendapatan kasar tahunan kepada Universiti dan mendapatkan kebenaran daripada pihak Universiti melalui ketua PTJ untuk melaksanakan kerja-kerja berkaitan STU.
- ix. Pembayaran pelesenan RM 10,000.00 seperti di perkara (vii) boleh ditolak melalui nilai pembayaran 3-5% daripada pendapatan kasar tahunan seperti di perkara (viii).
- x. STU PP dibenarkan untuk beroperasi berdasarkan kepada kerja-kerja pengkomersialan harta intelek yang dilesenkan, termasuk perundingan, pengujian, latihan dan penjualan produk/teknologi.
- xi. **STU PP** layak untuk melaksanakan kerja-kerja pengkomersialan bagi perkhidmatan professional berkaitan dan wajib mematuhi peraturan dan syarat yang dikeluarkan oleh pihak lembaga atau pihak berkuasa tempatan yang berkaitan.

8.3. Entiti Tujuan Khas (Special-Purpose Vehicle/ Entity –SPV)

- i. SPV adalah syarikat terbitan yang ditubuhkan untuk memenuhi keperluan spesifik pengkomersialan bagi menawarkan kepakaran yang dimiliki di PTJ.
- ii. Tujuan penubuhan SPV adalah untuk mengawal risiko bagi aktiviti kerja pengkomersialan yang dilaksanakan oleh PTJ.
- iii. SPV bertindak untuk mengurus dan mengawal sebarang aktiviti pengkomersialan bagi staf PTJ yang berdaftar di bawahnya.

- iv. Semua risiko kewangan dan kebertanggungjawaban akan ditanggung oleh SPV tanpa melibatkan universiti.
- v. Lembaga Pengarah perlu diwakili oleh Dekan, dan ahli Profesional berkaitan yang dilantik secara Nominee.
- vi. Aktiviti pengkomersialan oleh SPV tidak boleh bersaing secara langsung dengan anak syarikat Universiti atau STU lain yang telah ditubuhkan.
- vii. Memorandum perjanjian (MoA) perlu ditandatangani oleh staf dan wakil Universiti serta dibaca bersama dengan Garis Panduan Penubuhan Syarikat Terbitan Universiti 2020.
- viii. Setiap **SPV** mestilah melesenkan sekurang-kurangnya satu **Harta Intelekt** Universiti dengan bayaran sebanyak RM10,000.00 untuk tempoh satu (1) tahun.
- ix. SPV perlu membayar nilai kebergunaan 3-5% daripada pendapatan kasar tahunan kepada Universiti dan mendapatkan kebenaran daripada pihak Universiti melalui ketua PTJ untuk melaksanakan kerja-kerja berkaitan STU.
- x. Pembayaran pelesenan RM 10,000.00 seperti di perkara (viii) boleh ditolak melalui nilai pembayaran 3-5% daripada pendapatan kasar tahunan seperti di perkara (ix).
- xi. SPV dibenarkan untuk beroperasi berdasarkan kepada kerja-kerja pengkomersialan harta intelek yang dilesenkan, termasuk perundingan, pengujian, latihan dan penjualan produk/teknologi.
- xii. **SPV layak untuk melaksanakan kerja-kerja pengkomersialan bagi perkhidmatan professional berkaitan dan wajib mematuhi peraturan dan syarat yang dikeluarkan oleh pihak lembaga atau pihak berkuasa tempatan yang berkaitan.**

8.4. Syarikat Terbitan Universiti Makmal Saintifik (STU LAB)

- i. STU LAB adalah syarikat terbitan universiti yang menawarkan kerja-kerja pengujian makmal secara komersial dan beroperasi secara sendiri tanpa melibatkan pembiayaan daripada pihak Universiti.
- ii. Ianya adalah syarikat yang didaftarkan secara persendirian dengan kebenaran daripada Universiti dengan peraturan dan perjanjian yang dipersetujui oleh Universiti.
- iii. STU LAB diwajibkan untuk membentangkan Model Kanvas Perniagaan dengan kos operasi dan anggaran penjanaan pendapatan kepada Universiti.
- iv. Syarikat hendaklah melesenkan sekurang-kurangnya satu harta intelek yang dipilih dengan nilai sebanyak RM10,000.00 bagi tempoh satu (1) tahun.
- v. Syarikat hendaklah membayar 12% daripada pendapatan kasar tahunan sebagai nilai kebergunaan staf dan fasiliti. Ianya perlu diaudit bagi memastikan pulangan diberikan secara adil kepada universiti.
- vi. Pembayaran pelesenan RM 10,000.00 seperti di perkara (iv) boleh ditolak melalui nilai pembayaran 12% daripada pendapatan kasar tahunan seperti di perkara (v).
- vii. Kos operasi termasuk penggunaan tenaga elektrik, air, penggajian staf makmal dan penyelenggaraan keseluruhan bangunan makmal akan ditanggung sepenuhnya oleh STU LAB.
- viii. UTHM berhak mengenakan arahan potongan gaji kepada staf jika gagal membuat pembayaran seperti perkara (iv) dan (v).
- ix. Memorandum persetujuan (MOA) perlu ditandatangani secara bersama oleh staf dan juga wakil Universiti dan perlu dibaca bersama dengan Garis Panduan Penubuhan Syarikat Terbitan Universiti 2020.

9. BIDANG UTAMA STU

9.1. Bidang STU:

- i. Perubatan & Kesihatan (*Medical & Health*)
- ii. Pengangkutan (*Transportation*)
- iii. Elektronik (*Electronic*)
- iv. Barangan Pengguna (*Consumer Goods*)
- v. Tenaga & Alam Sekitar (*Energy & Environment*)
- vi. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*)
- vii. Peralatan Industri (*Industry Equipment*)
- viii. Pembinaan & Bangunan (*Construction & Building*)
- ix. Pertanian & Penternakan (*Agriculture & Livestock*)
- x. Pendidikan (*Education*)
- xi. Keagamaan & Kebudayaan (*Religion & Culture*)
- xii. Lain-lain (*Others*)

9.2. Penubuhan STU adalah tidak terhad kepada bidang STU di perenggan 5.1. Setiap penubuhan STU perlulah sejajar dengan *niche area* Universiti dan juga tertakluk kepada kelulusan daripada JKE.

10. SYARAT UMUM PENUBUHAN STU

- 10.1. STU ditubuhkan berdasarkan harta intelek, teknologi, produk yang dihasilkan atau perkhidmatan yang boleh diberikan oleh staf Universiti.
- 10.2. Sekurang-kurangnya seorang daripada pengasas syarikat adalah staf Universiti dan terlibat dalam penghasilan harta intelek, teknologi, produk atau perkhidmatan yang ingin dikomersialkan.
- 10.3. STU perlu mengemukakan pelan perancangan perniagaan yang efektif dan konsisten untuk jangka masa panjang.
- 10.4. STU yang ditubuhkan tidak menjadi pesaing kepada subsidiari Universiti atau STU yang lain.

10.5. Staf Universiti atau pemilik STU diberikan kebenaran untuk menguruskan STU sehari seminggu atas kebenaran ketua PTJ.

10.6. Penubuhan STU hanya dibenarkan bagi pendaftaran Sdn. Bhd. (Sendirian Berhad) dan ke atas sahaja.

11. SYARAT KHUSUS

11.1. Sekiranya UTHM mempunyai pegangan ekuiti di dalam syarikat, syarat khusus yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. UTHM perlu melaburkan sejumlah modal mengikut kadar ekuiti yang ingin dipegang.
- ii. Sekurang-kurangnya seorang wakil Universiti dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah STU. Penyelidik juga boleh dilantik sebagai wakil universiti bagi tujuan ini.
- iii. Penyelidik hendaklah dilantik sebagai salah seorang pemegang ekuiti syarikat.
- iv. Penjanaan pendapatan adalah melalui dividen daripada keuntungan syarikat, fi pelesenan dan royalti hasil pengkomersialan harta intelek.
- v. Penjanaan pendapatan adalah melalui fi pelesenan dan royalti daripada pengeksploitan harta intelek dan hasil jualan teknologi atau produk.
- vi. STU boleh menawarkan pihak luar sebagai pemegang ekuiti syarikat.

11.2. Sekiranya UTHM tidak mempunyai pegangan ekuiti di dalam syarikat, syarat khusus yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i. UTHM tidak membuat sebarang pelaburan dalam STU.
- ii. Penjanaan pendapatan adalah dari fi pelesenan dan royalti hasil pengkomersialan harta intelek.
- iii. STU boleh menawarkan pihak luar sebagai pemegang ekuiti syarikat.
- iv. Penyelidik sebagai salah seorang pemegang ekuiti syarikat.

- v. STU perlu melaporkan aktiviti dan status kewangan kepada Universiti setiap suku tahunan. Laporan kewangan tersebut perlu disahkan oleh firma perakaunan bertauliah.

11.3. Hanya staf aktif dibenarkan untuk menubuhkan STU.

11.4. Bagi STU yang berdaftar sebagai entiti pemilikan tunggal atau perkongsian, sekiranya staf tidak aktif dalam tempoh melebihi 6 bulan, staf tersebut perlu melantik mana-mana staf universiti yang aktif untuk menguruskan hal ehwal yang berkaitan dengan STU tersebut.

11.5. Sebarang pelantikan penyelidik, perunding dan pekerja STU di kalangan staf UTHM hendaklah melalui ICC.

11.6. Sebarang Pergerakan aktiviti STU di luar universiti perlu mendapat kelulusan daripada ketua PTJ.

11.7. Sebarang bayaran pengujian, penggunaan ruang, fasiliti dan utiliti adalah tertakluk kepada peraturan uinversiti yang sedang berkuatkuasa.

12. EKUITI DALAM STU

12.1. Had pegangan ekuiti dalam STU oleh penyeidik adalah berdasarkan kepada perbincangan di antara pemegang ekuiti dan diluluskan oleh JKE.

12.2. Faktor berikut akan dipertimbangkan dalam struktur ekuiti:

- i. Nilai Harta Intelek;
- ii. Tempoh perkhidmatan penyelidik di Universiti;
- iii. Tahap potensi perniagaan yang terhasil daripada Harta Intelek dan pengetahuan serta inovasi penyelidik; dan
- iv. Tahap penglibatan Universiti dalam STU.

12.3. Sekiranya Harta Intelek direkapipta oleh lebih dari seorang penyelidik, pembahagian pendapatan akan dibahagi berdasarkan persetujuan di kalangan Penyelidik dan persetujuan tersebut mestilah diperakukan oleh ICC.

12.4. Ekuiti di dalam STU adalah berdasarkan kepada keadaan dari semasa ke semasa. Penyelidik perlu mempertimbangkan implikasi cukai (jika ada) sebelum memiliki ekuiti STU.

13. PENGLIBATAN PENYELIDIK DI DALAM SYARIKAT TERBITAN UNIVERSITI

13.1. Sekiranya UTHM mempunyai pegangan ekuiti di dalam syarikat, penyelidik perlu mematuhi syarat berikut:

- i. Tidak menarik diri daripada penglibatan dalam STU dalam tempoh masa selama tiga (3) tahun.
- ii. Tidak menjalankan aktiviti yang menjadi persaingan terhadap perundingan dan penyelidikan yang ditawarkan oleh Universiti kepada mana - mana pihak awam dan badan swasta.
- iii. Menjaga nama baik, reputasi dan kepentingan Universiti serta memberikan maklumat yang tepat kepada pihak Universiti terhadap aktiviti dan pengurusan STU.
- iv. Sekiranya UTHM tidak mempunyai pegangan ekuiti di dalam syarikat, penyelidik perlu menjaga nama baik, reputasi dan kepentingan Universiti serta memberikan maklumat yang tepat kepada pihak Universiti terhadap aktiviti dan pengurusan STU.
- v. Walaubagaimanapun, tanggungjawab penyelidik, STU dan universiti adalah juga tertakluk kepada MoA.

14. CARTA ALIR PENUBUHAN STU

Carta Alir Penubuhan STU adalah seperti di **Lampiran 1**.

15. EXIT STRATEGY

STU boleh melaksanakan *exit strategy* yang memberikan manfaat kepada staf, universiti dan pengkomersialan harta intelek, sebagaimana pilihan berikut:

- i. *Merger & Acquisition (M&A)*. STU bergabung dengan syarikat yang lebih kompeten melalui penjualan sebahagian ekuiti STU.
- ii. *Initial Public Offering (IPO)*. STU mengembangkan pemilikan ekuiti dan penambahan modal melalui *IPO*;
- iii. Menjual keseluruhan ekuiti kepada individu atau pelabur berminat dan yang lebih kompeten;
- iv. STU melantik pengurusan baru tetapi masih mengekalkan staf sebagai pemegang ekuiti STU;
- v. Menamatkan keseluruhan operasi STU dan menjual hasil harta intelek kepada syarikat lain atau pelabur lain;
- vi. Namun, strategi selain pilihan (i) hingga pilihan (v) boleh dipertimbangkan dari semasa ke semasa.

16. PERBELANJAAN DAN PENDAPATAN


Segala bentuk perbelanjaan dan pendapatan berkaitan dengan STU adalah mengikut syarat dan terma yang dinyatakan di dalam MoA yang telah ditandatangani dan dimeterai.

17. TARIKH KUATKUASA

Dengan berkuatkuasa penambahbaikan polisi ini, maka polisi yang wujud sebelum ini adalah dibatalkan.

**CARTA ALIR PENUBUHAN
SYARIKAT TERBITAN UNIVERSITI (STU)
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**

TINDAKAN





Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC)
 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia(UTHM)
 Tel : 07 453 8314 | 8315 | 8702 | 8700
 Email: iccuthm@gmail.com

BORANG PERMOHONAN PENUBUHAN SYARIKAT TERBITAN UNIVERSITI

SENARAI SEMAK

(Sila tandakan ✓ pada ruang yang berkenaan)

BIL	SENARAI DOKUMEN	SEMAKAN (✓)	RUJUKAN
1	Borang permohonan syarikat terbitan universiti		Dokumen diperlukan semasa permohonan STU
2	Rancangan pelan perniagaan		
3	CV untuk setiap ahli pengurusan syarikat		
4	Keterangan Produk / Perkhidmatan		
5	Borang Akujanji Kepatuhan dan Sumbangan		Dokumen diperlukan setelah mendapat kelulusan STU
6	Perjanjian Perlesenan		
7	Pengisytiharan Harta & Pegangan Saham		
8	<i>Insurans Indemnity</i> (Jika berkaitan)		
9	Dokumen lain yang berkaitan (Sila nyatakan)		

BAHAGIAN A: BUTIRAN PEMOHON

1. MAKLUMAT PEMOHON

Nama :	No Staf :
No. KP / Pasport :	No. Tel:
Email:	No. Tel. Pejabat :
Fakulti / PTj :	Jawatan :

2. MAKLUMAT AHLI (Jika Ada)

Nama Ahli 1 :	No Staf :
No. KP / Pasport :	No. Tel. Bimbit :
Email:	No. Tel. Pejabat :
Fakulti/PTj :	Jawatan/:

Nama Ahli 2 :	No Staf :
No. KP / Pasport :	No. Tel. Bimbit :
Email:	No. Tel. Pejabat :
Fakulti/PTj :	Jawatan/Gred :

**Sila sediakan lampiran jika ahli usahasama melebihi dari 2 orang*

BAHAGIAN B: JENIS STU YANG INGIN DITUBUHKAN

- STU IP
- STU PP
- STU SPV
- STU LAB

BAHAGIAN C: MAKLUMAT PRODUK/HARTA INTELEK YANG AKAN DIKOMERSIALKAN

1. Nama Produk / Harta Intelek : _____

2. No. Pendaftaran HI : _____

3. Tarikh didaftarkan : _____

4. Jenis Harta Intelek : _____

5. Status produk :

- Sedang dibangunkan Sedia untuk dikomersialkan

Lain-lain. Sila nyatakan : _____

BAHAGIAN D : CADANGAN KERTAS KERJA

Sila lampirkan Rancangan Pelan Perniagaan

BAHAGIAN E: AKUAN PEMOHON

- a) Dengan ini saya mengaku bahawa semua maklumat yang dinyatakan dalam permohonan ini dan maklumat yang disertakan adalah benar dan betul, dan bersetuju untuk menerima Garis Panduan Penubuhan STU oleh Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) serta bersetuju mematuhi Peraturan 4, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) [Akta 605] berkaitan kebenaran melaksanakan pekerjaan luar bagi menguruskan STU ini. Saya juga mengakui bahawa pihak ICC berhak untuk menolak permohonan ini jika maklumat yang diberi didapati palsu atau tidak benar.

- b) Saya maklum dan berjanji akan membayar kepada universiti seperti berikut:-

JENIS BAYARAN	NILAI (RM)
Bayaran Perlesenan Harta Intelek	sekurang-kurangnya RM10,000.00 setahun
Nilai Kebergunaan	3 - 5% daripada pendapatan kasar tahunan

- c) Sumbangan tersebut akan saya jelaskan sebelum 15 Disember setiap tahun dan akan disalurkan oleh Universiti kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) di mana saya berkhidmat.

- d) Pihak universiti berhak untuk menarik balik kelulusan STU ini sekiranya saya didapati gagal membuat sumbangan kepada universiti seperti yang dijanjikan.

Tandatangan & Cop

Tarikh

BAHAGIAN E: KELULUSAN DEKAN / KETUA PTJ

Keputusan : Diluluskan / Tidak diluluskan

Ulasan :

Tandatangan & Cop

Tarikh

PANDUAN PENGIRAAN NILAI KEBERGUNAAN

BIL.	PERKARA	NILAI
1	Kebergunaan bagi tempoh melaksanakan kerja luar dalam menguruskan STU bersamaan satu (1) hari dalam seminggu (52 hari setahun) tanpa mengganggu tugas hakiki	RM12,000.00 Nilai minimum yang dicadangkan ialah RM10,000.00
2	Bagi kerja luar yang tidak mempunyai agihan terus kepada universiti, nilai sumbangan adalah sebanyak 10% daripada nilai pendapatan tahunan	10%

Justifikasi contoh pengiraan sumbangan perjanjian perlesenan.

Gaji pokok	RM 5,000
Hari Bekerja	20
Kadar Sehari	RM 250
Jumlah hari bekerja sebulan	4
Kadar Sebulan	RM1,000
Setahun	<u>12</u>
Jumlah	<u><u>12,000</u></u>

Contoh :

Bagi kerja luar yang tidak mempunyai agihan terus kepada universiti, nilai sumbangan adalah sebanyak 10% daripada nilai pendapatan.

Jumlah pendapatan kerja luar tahunan = RM50,000.00

Pengiraan sumbangan = RM50,000.00 x 10%
= RM5,000.00